

Headline	Cerita penemuan makam al Bukhari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	23	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	321 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,566



# Cerita penemuan makam al-Bukhari

## Kisah berkat desakan Sukarno

**K**esyukuran dipanjang-kan ke hadrat Allah kerana konvoi Kembara Bumi Suci 2014 (KBS2014) berpeluang menziarahi makam Imam al-Bukhari.

Makam yang terletak di Khartang, Samarkand adalah lokasi bersemadinya jasad pengarang kitab hadis sahih termasyhur, Sahih Bukhari atau nama sebenarnya Muhammad Ibn Ismail Ibn Ibrahim Ibn al-Mughirah Ibn Bardizbah al-Bukhari.

Kompleks berkenaan dibina atas tanah se-luas lima hektar turut menempatkan Masjid Imam Bukhari yang juga madrasah

melatih imam dari seluruh negara ini.

Kisah penemuan dan pemuliharaan makam berkenaan amat menarik kerana berlaku atas desakan Pre-

siden Sukarno sebaik saja dilantik sebagai ketua negara Indonesia.

Menurut seorang rakyat tempatan yang enggan dikenali, sebelum diangkat sebagai presiden, beliau bermimpi bertemu Rasulullah SAW yang mahunya mencari kubur Imam al-Bukhari.

"Apabila Presiden Kesatuan

Soviet Krushev menjemput Sukarno melawat negara komunis itu tapi Sukarno meletakkan syarat mahu menziarahi makam pengumpul hadis sahih berkenaan.

"Soviet terpaksa mencari dan mengindahkan kawasan makam dan apabila Sukarno tiba di Samarkand, beliau dikatakan merangkak dari luar kawasan makam hingga ke

lokasi jasad al-Bukhari disemadikan dan makam itu dipulihara hingga kini.

"Kerana itu rakyat Indonesia diberi keistimewaan hingga sekarang dibenarkan masuk ke bawah bangunan makam yang menempatkan jasad Imam," katanya.

Imam Bukhari dilahirkan di Bukhara pada tahun 194 Hijrah (810 Masehi).

Beliau dari keturunan Parsi dan selepas menuntut ilmu Islam di Makkah, al-Bukhari kembali ke Bukhara namun pemerintahan wilayah berkenaan tidak membentarkannya

menyebarluaskan ilmu di situ.

Semalam, konvoi memasuki Kazakhstan melalui sempadan Uzbekistan di Duvvud Ota.

Laporan harian kembara ini juga boleh diikuti di [www.israqadventure.com](http://www.israqadventure.com) dan laman Facebook, Kembara Bumi Suci 2014.

Mesej kesederhanaan Islam turut disebarluaskan sepanjang ekspedisi berlangsung.

Lembaga Tabung Haji adalah penaja utama kembara ini yang disokong oleh Yayasan Gerakan Kederhanaan Global (GMMF).

Headline	Cerita penemuan makam al Bukhari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	23	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	321 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,566

**KEMBARA Bumi Suci**

Laporan Hairulazim Mahmud

**FAKTA**  
Makam dibina atas tanah seluas lima hektar

KEMBARA Bumi Suci di Nukus.